

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

**Pelanggan yang dihormati,**

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

### 1 Apa itu Allianz Student Personal Accident?

Allianz Student Personal Accident menyediakan pampasan kepada pelajar sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya, atau kematian yang berlaku akibat kemalangan, dan perbelanjaan lain yang ditanggung termasuk perbelanjaan perubatan akibat insiden-insiden yang dilindungi.

### 2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM28.00 setahun, anda menerima perlindungan berikut dibawah Pelan 3:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemalangan : RM50,000</li> <li>• Hilang Upaya Kekal (sehingga) : RM50,000</li> <li>• Kematian Akibat Kemalangan di dalam Pengangkutan Awam : RM25,000</li> <li>• Perbelanjaan Perubatan (sehingga) : RM4,000</li> <li>• Elaun Perkabungan (sekali gus) : RM15,000</li> <li>• Perbelanjann Pengebumian (sekali gus) : RM3,000</li> <li>• Pendapatan Hospital (sehari/maxima 60 hari) : RM100</li> <li>• Rawatan Pergigian (sehingga) : RM500</li> <li>• Elaun Pembelajaran (sekali gus) : RM40,000</li> <li>• Indemniti Berganda (semasa di dalam premis Sekolah) : RM100,000</li> <li>• Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup (sehingga) : RM5,000</li> <li>• Elaun Ihsan (sekali gus) : RM1,000</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peperangan, mogok, rusuhan atau kekacauan, keganasan;</li> <li>• Kuantiti alkohol yang melebihi had undang-undang;</li> <li>• Berada di bawah pengaruh dadah yang tidak sah;</li> <li>• Penyakit, jangkitan atau parasit;</li> <li>• Membunuh diri atau cubaan membunuh diri;</li> <li>• Kos rawatan bagi melahirkan anak, keguguran, atau kehamilan, melainkan disebabkan akibat kemalangan;</li> <li>• Kerugian yang ditanggung semasa menyertai sebarang sukan profesional;</li> <li>• Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah.</li> </ul>
<p>Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.</p>	
<p>Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.</p>	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri kami, anda boleh:



Hubungi kami di  
1 300 22 5542



Lawati kami di  
allianz.com.my/student-insurance



Emel kami di  
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR  
diatas

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium:	
Perlindungan Asas	<b>RM28.00 setahun</b>
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah <b>RM28.00</b> .	
Di mana ini termasuk:	
Komisen	<b>25% daripada premium atau RM7.00</b>
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	<b>RM10.00</b>
Cukai Perkhidmatan	<b>8% daripada premium atau RM2.24</b>

Nota: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

## 4

### Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Polisi ini melindungi warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia dan merupakan pelajar sepenuh masa yang ke sekolah di Malaysia.
- Had umur terpakai: Dari dua (2) tahun sehingga dua puluh satu (21) tahun.
- Waranti Premium – Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi ini atau endorsmen yang dikeluarkan oleh Allianz yang menetapkan permulaan perlindungan bagi Orang Yang Diinsuranskan.
- Semua tuntutan mesti diberikan secara bertulis kepada Allianz dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kemalangan.
- Manfaat-manfaat di bawah Polisi akan dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan atau salah seorang ibu bapa Orang Yang Diinsuranskan (jika Orang Yang Diinsuranskan berumur di bawah lapan belas (18) tahun), mana-mana yang berkenaan.

**Nota:** Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.



### Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- Anda boleh menamatkan polisi ini dengan memberikan notis penamatan kepada Kami dan penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh kami menerima notis atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut, yang mana lebih lewat.
- Apabila anda menamatkan polisi ini, premium pro-rata bagi tempoh tersebut akan dikembalikan kepada Orang Yang Diinsuranskan dengan syarat tiada apa-apa tuntutan telah dibuat semasa dalam Tempoh Insurans yang masih wujud pada ketika itu.